

JATI DIRI PENGUKUH PATRIOTISME REMAJA

Keutuhan jati diri tonggak kemakmuran negara pada masa hadapan. Sememangnya, kemantapan jati diri yang menjadi teras dan lambang keperibadian seseorang individu, melahirkan remaja yang berkeyakinan dalam menghadapi apa-apa sahaja yang bakal berlaku dek peredaran zaman yang semakin mencabar. Menurut *Kamus Dewan Perdana* (2020), perkataan jati diri bermaksud ciri-ciri tertentu dari segi adat, bahasa, budaya, agama dan sebagainya yang menjadi pengenalan seseorang, masyarakat, bangsa yang dapat menggambarkan pemikiran dan tanggapannya serta membezakannya daripada yang lain.

Patriotisme pula membawa maksud perasaan cinta yang kuat terhadap tanah air, dan patriotik pula merupakan sikap terpenting untuk mempertahankan dan mendaulatkan negara, bangsa dan agama. Maka itu, sifat patriotisme harus dibentuk dalam minda dan jiwa secara menyeluruh. Walau bagaimanapun, kita tidak boleh berasa selesa akan hal ini kerana situasi ini mungkin boleh berubah disebabkan sikap remaja itu sendiri yang mudah terikut-ikut dengan sesuatu yang menyeronokkan sehingga menyebabkan mereka lalai akan tanggungjawab kepada bangsa dan negara.

Lantaran itu, dapat dirumuskan bahawa konsep jati diri amat rapat kaitannya dengan identiti. Identiti yang baik lahir daripada penerapan dan pengamalan nilai murni yang tinggi dalam diri individu. Konsep jati diri merangkumi ciri-ciri dalaman individu, termasuklah sikap atau perlakuan individu. Ciri-ciri ini dapat dikesan melalui penampilan diri individu tersebut. Menurut Sabariah Shafiee (2013), jati diri merujuk sifat, ciri atau nilai murni peribadi yang kekal dan stabil, tidak akan berubah atau tidak mudah berubah. Nilai murni boleh diperlihatkan melalui sifat bercakap benar, amanah dan jujur dalam

urusan, menyampaikan maklumat secara bijak, memiliki hati yang bersih, dan pelbagai lagi sifat dan nilai yang terpuji. Jati diri merupakan ciri dalaman yang positif dan bersifat peribadi, tetapi cukup universal untuk dikongsi secara bersama. Lantaran itu, kelompok yang memiliki persamaan yang universal dan positif sudah pasti dapat membentuk jati diri bangsa dan masyarakat setempat. Dengan terpatuhnya jati diri dalam diri pasti melahirkan insan yang mampu memacu negara ke arah kegemilangan berbekalkan modal insan yang syumul.

Konsep patriotisme juga berkaitan dengan soal kenegaraan. Walau bagaimanapun, bentuk patriotisme boleh berubah mengikut peredaran zaman dan keadaan. Namun demikian, makna patriotik tetap kekal sebagai perasaan cinta akan negara secara mendalam dan tidak berbelah bahagi.

Mutakhir ini, wujud pelbagai bentuk tindakan dan provokasi yang bertentangan dengan budaya jati diri dan nilai patriotisme dalam kalangan masyarakat Malaysia yang bersifat majmuk. Sudah pasti unsur negatif ini mencetuskan kebimbangan kepada banyak pihak. Ancaman ini tidak boleh dibiarkan kerana kesannya yang akan menggugah kemakmuran negara.

Sehubungan dengan itu, pelbagai pihak harus memainkan peranan untuk melihat sejauh mana ancaman ini telah menular dan mencari langkah yang terbaik untuk membendungnya agar tidak terus membarah dalam kalangan masyarakat.

Remaja harus mempunyai semangat patriotisme dan menyedari bagaimana sukarnya pejuang negara memperoleh kemerdekaan. Kemerdekaan negara tidak diperoleh dengan cara yang mudah, malah perjuangannya berlaku dalam suasana yang dramatik. Maka itu, nilai patriotisme perlu dipupuk agar sentiasa subur dalam diri setiap warganegara, khususnya remaja agar generasi yang bakal menjadi pemimpin negara ini dapat mengekalkan kemakmuran yang dinikmati oleh masyarakat hingga hari ini. Patriotisme akan melahirkan rasa saling memahami dan saling mempercayai dalam kalangan masyarakat yang mendiami sesuatu kawasan, wilayah atau negara. Bahkan, patriotisme sering kali dikaitkan dengan kesetiaan dan kecintaan seseorang terhadap negaranya sendiri. Seseorang itu dianggap bersifat patriot apabila tindakan dan amalannya menepati ciri-ciri patriotisme yang berteraskan kecintaan dan kesetiaan kepada negara.

Cabaran Remaja Hari Ini

Generasi pada masa ini berhadapan dengan gelombang teknologi komunikasi dan maklumat yang menguasai segenap aspek kehidupan. Kesannya, ledakan teknologi tanpa sempadan ini cenderung menyebabkan masyarakat menerima dan menyebarkan maklumat yang salah. Penyalahgunaan media sosial yang berlaku secara meluas pada masa ini mencetuskan beberapa kesan yang boleh mengganggu gugat keamanan negara. Perkara yang paling jelas ialah kebanjiran maklumat yang membawa kesan negatif, misalnya ketidaksahihan maklumat yang disebarkan akan menyebabkan timbul perbincangan dan kekeliruan dalam kalangan masyarakat. Selain itu, remaja juga mudah terikut-ikut dengan aksi dan tingkah laku luar biasa yang dipaparkan dalam media sosial, terutamanya menerusi aplikasi TikTok. Permainan dalam talian yang boleh dimuat turun daripada aplikasi yang tersedia dalam telefon pintar juga menyebabkan golongan remaja hanya memfokuskan permainan yang mengasyikkan itu sehingga mengabaikan rutin kehidupan harian yang lebih penting. Sikap gemar meniru amalan dan tingkah laku yang negatif pula menyebabkan terhakisnya nilai murni dalam kehidupan remaja. Misalnya, sifat malu yang menjadi “pakaian” budaya Timur seolah-olah semakin terhakis disebabkan kecenderungan melakukan aktiviti yang tidak bersesuaian dengan budaya masyarakat Timur, yang dilakukan semata-mata untuk mencari keseronokan dan meraih perhatian masyarakat.

Berita yang tidak benar semakin banyak disebarkan dalam media. Berkaitan dengan hal ini, remaja seharusnya menyelidik terlebih dahulu

berita yang diperolehnya sebelum menyebarkan berita tersebut kepada orang lain dalam media sosial. Tindakan terburu-buru menyebarkan berita yang belum dipastikan kesahihannya boleh menghapuskan perasaan hormat-menghormati dan kasih sayang yang sedia ada dalam kalangan remaja.

Patriotisme dan jati diri merupakan dua perkara yang tidak dapat dipisahkan kerana jati diri dikaitkan dengan akhlak dan maruah individu, masyarakat dan negara. Kedua-duanya membentuk semangat bersifat kebangsaan yang menjadi agenda utama negara. Hasrat untuk membina identiti yang tulen dan murni yang boleh menjadi teras dan lambang keagungan dan keunggulan sesebuah negara perlu menjadi agenda utama negara. Namun begitu, sifat patriotisme dan kekukuhan jati diri dalam kalangan golongan remaja agak rapuh, terutama dalam soal kecintaan kepada negara dan bangsa. Hal ini dapat dilihat melalui beberapa insiden yang melibatkan remaja yang tidak menghormati bendera kebangsaan, lagu *Negaraku*, dan institusi raja.

Hal ini berlaku mungkin disebabkan oleh pelbagai faktor, antaranya termasuklah soal sikap generasi muda yang tidak suka mengambil tahu tentang kedaulatan negara. Keadaan yang negatif ini juga disebabkan oleh sikap segelintir masyarakat yang mudah menularkan perkara yang tidak benar sehingga menjejaskan pemahaman generasi muda tentang jati diri. Bahkan, saban hari ada sahaja perkara yang tidak benar dan agak keterlaluan disebarkan dalam media sosial untuk menjatuhkan sesuatu pihak demi kepentingan pihak lain.

Dalam tulisan bertajuk “Jati Diri Pembentuk Identiti Bangsa”, yang disiarkan dalam *Utusan Borneo Online*, Dr. Mohamad Maulana Magiman mengatakan bahawa jika diteliti, sejumlah 82 peratus golongan belia terlibat



dalam aktiviti yang memberikan kesan positif terhadap penguatan semangat jati diri. Elemen paling penting dalam membentuk jati diri ialah pendidikan. Proses pendidikan pula boleh berlangsung secara formal dan tidak formal. Dalam konteks ini, matlamat kedua-dua kaedah tersebut adalah sama, cuma cara penyampaian sahaja yang berbeza.

Kepentingan Penerapan Jati Diri dalam Kalangan Remaja

Remaja merupakan tonggak negara pada masa hadapan. Soekarno pernah berkata, “Berikan aku 10 orang pemuda pasti akan kugoncang dunia.” Ucapan tokoh politik Indonesia tersebut sangat bermakna kerana mengingatkan semua pihak bahawa golongan remaja harus berani menghadapi apa-apa juga cabaran dan rintangan yang menantang.

Remaja perlu mempunyai cita-cita murni dalam usaha menyumbang kepada pembangunan dan kemajuan negara. Remaja sebagai pendukung cabaran haruslah bersedia menabur bakti untuk memajukan negara, selain memelihara perpaduan negara. Remaja pada hari ini menjadi tenaga penggerak untuk mencapai misi dan matlamat negara pada masa akan datang. Sekiranya tonggak negara ini pincang, maka masa hadapan negara akan terganggu. Oleh sebab itu, pelbagai inisiatif dan usaha harus dilaksanakan bagi membentuk jati diri yang kukuh.

Pada Februari yang lalu, Menteri Kanan Pendidikan, Yang Berhormat Datuk Dr. Radzi Jidin telah melancarkan konsep Sekolahku SEJAHTERA. Konsep tersebut memberikan keutamaan pada aspek atau komponen tertentu dalam pendidikan murid. Perkara yang paling penting adalah untuk mencari pendekatan yang seimbang dari aspek pembelajaran. Melalui konsep Sekolahku SEJAHTERA, akan terlaksana suatu pendekatan yang menyeluruh dalam membentuk kemenjadian dan kejayaan murid yang mampu bersaing pada peringkat dunia.

Menurut Menteri Kanan Pendidikan lagi, beliau yakin dan percaya bahawa penerapan konsep Sekolahku SEJAHTERA secara semula jadi mampu melahirkan generasi pewaris negara yang hebat. Sekolahku SEJAHTERA merupakan suatu konsep yang memberikan penekanan kepada 14 elemen berteraskan nilai murni yang diterapkan secara semula jadi dalam kehidupan harian warga sekolah, khususnya murid.



Secara asasnya, elemen SEJAHTERA perlu sentiasa diterap, dihayati dan diamalkan sehingga menjadi budaya bagi warga sekolah. Dengan demikian, akan lahir generasi masa hadapan yang berkeperibadian unggul dan mampu bersaing pada peringkat global.

Konsep Sekolahku SEJAHTERA bukanlah satu mata pelajaran baharu atau sisipan dalam mata pelajaran sedia ada. Bahkan, konsep tersebut tidak akan menambah beban tugas guru, termasuklah keperluan menyediakan laporan tentang pelaksanaannya. Perkara yang penting ialah guru dan masyarakat harus bersama-sama menerapkan konsep ini dalam diri generasi pewaris negara supaya nilai murni tersebut sentiasa tersemat di hati mereka

dan diamalkan sepanjang masa.

Di sekolah, penerapan nilai murni terus diamalkan dalam pelbagai bentuk dan setiap masa tanpa terpisah. Penerapan nilai melalui konsep Sekolahku SEJAHTERA bukan sahaja kepada murid malah merangkumi warga sekolah. Pengiktirafan, penghargaan, kerjasama dan kesepakatan pasti akan melahirkan persekitaran yang sihat, ceria dan sejahtera.

Selain itu, Program Sahsiah Unggul Murid (SUMUR) yang dilaksanakan di sekolah agama berpandukan empat modul utama sebagai panduan. Empat modul utama tersebut ialah Modul Budi Bahasa, Modul Mutadayyin, Modul Penampilan Diri dan Modul Jati Diri. Pendekatan amalan tersebut diperincikan dalam usrah yang dilaksanakan sekurang-kurangnya seminggu sekali di sekolah, terutama sekolah agama. Program ini sudah pasti bermatlamat agar pelajar mempunyai keterampilan yang menyeluruh dan *mutadayyin*.

Usaha Membentuk Jati Diri dalam Kalangan Masyarakat

Semangat cinta akan negara sangat penting bagi memastikan rakyat sentiasa berganding bahu dalam menjaga kedaulatan negara dan mengorak langkah ke hadapan sebagai Keluarga Malaysia. Walaupun dalam keadaan pandemik, pelbagai aktiviti yang memberikan impak dan memupuk semangat patriotisme, khasnya dalam kalangan remaja harus dilaksanakan kerana sifat cinta akan negara perlu disemai setiap masa oleh pelbagai pihak. Kekangan pelaksanaan aktiviti secara fizikal boleh diatasi dengan pelaksanaan secara dalam talian. Satu daripada bentuk aktiviti atau pertandingan untuk menaikkan semangat patriotisme sempena sambutan hari kebangsaan ialah pertandingan pidato dan debat, deklamasi sajak kemerdekaan, dan penulisan esei yang bertemakan kemerdekaan negara.

Sememangnya, usaha ke arah pemupukan jati diri harus dimainkan

oleh pelbagai pihak. Sebaik-baiknya, usaha tersebut bermula daripada peranan institusi keluarga. Ibu bapa perlu memberikan didikan yang mencakupi agama dan nilai murni yang kukuh sejak kecil, ibarat melentur buluh biarlah dari rebung. Penyemaian nilai ini harus dilakukan secara berterusan melalui hubungan kekeluargaan yang erat berserta nilai kasih sayang yang tinggi.

Di sekolah, pengamalan nilai murni dalam aktiviti kurikulum dan kokurikulum diamalkan secara jelas, berterusan dan menyeluruh. Pemupukan nilai jati diri, terutamanya melalui aktiviti dan program yang terancang akan menjadikan aktiviti atau program tersebut lebih berkesan. Pemakluman hasrat dan objektif program harus dimaklumkan secara jelas kepada semua pelajar agar hasrat tersebut dapat direalisasikan oleh pelajar. Media massa yang semakin canggih dengan platform yang pelbagai harus menyediakan kandungan yang mampu merebut hati remaja untuk menonton, menghayati dan mengamalkan perkara dan mesej murni yang ingin disampaikan kepada remaja. Aplikasi media sosial seperti Instagram dan TikTok harus diisi dengan program dakwah dan didikan secara tersembunyi dan bersahaja untuk menjentik hati golongan remaja. Persembahan drama dan penghasilan filem yang mampu menyuntik semangat patriotisme dan jati diri seperti filem *Mat Kilau* yang diterbitkan oleh Studio Kembara harus diperbanyak untuk mengisi ruang persada hiburan tanah air dengan kisah sejarah yang membanggakan rakyat Malaysia.

Secara keseluruhannya, jelas bahawa konsep jati diri dan patriotisme mempunyai perspektif positif dalam kalangan generasi baharu. Namun demikian, terdapat juga segelintir remaja atau generasi baharu yang tidak tahu dan tidak ambil tahu perihal konsep jati diri dan patriotisme kerana kurangnya kesedaran dalam diri mereka. Maka itu, dicadangkan supaya pengukuhan dibuat berdasarkan hasil kajian, iaitu memberikan fokus kepada



isu perkauman, persefahaman dan media sosial yang menjadi cabaran utama dalam memelihara jati diri dan mengukuhkan patriotisme.

Setiap individu perlu memahami dengan jelas segala hal yang berkaitan dengan konsep jati diri dan patriotisme. Pihak yang bertanggungjawab, terutamanya agen sosialisasi seperti keluarga, sekolah dan universiti, termasuklah agensi bukr kerajaan dan masyarakat umum perlu memainkan peranan penting dalam menangani segala cabaran yang boleh menggugat jati diri dan merapuhkan patriotisme.

Tumpuan harus diberikan terhadap pengawalan dan pemantauan isu perkauman dan segala bentuk provokasi yang berpotensi melemahkan jati diri dan semangat patriotisme golongan generasi baharu. Satu daripada langkah yang berkesan adalah dengan memperkasakan undang-undang dan mengenakan hukuman yang berat kepada individu yang membangkitkan isu perkauman dan menggugat persefahaman.

Selain itu, aspek pendidikan perlu ditekankan. Nilai jati diri dan semangat patriotisme mampu disuburkan melalui pendidikan mata pelajaran Sejarah, Sivik dan Keneagaan Malaysia. Perbincangannya perlu diperluas dengan menekankan sumbangan tokoh dalam membebaskan tanah air daripada penjajahan, dan usaha

pemimpin dalam membangunkan negara, termasuklah penjelasan aspek kenegaraan yang lain merangkumi politik, ekonomi dan sosial.

Aktiviti kokurikulum dari peringkat sekolah hingga institusi pengajian tinggi juga harus menerapkan unsur patriotisme dalam setiap program dan agenda. Seterusnya, melalui media massa, sama ada bercetak atau digital perlu digerakkan usaha ini bagi menyemaikan nilai jati diri dan semangat patriotisme. Usaha ini boleh dilakukan dengan menerbitkan komik, cerpen dan filem yang bersifat patriotik dan bertemakan patriotisme.

Di samping itu, pembangunan sukan, khususnya sukan yang popular seperti bola sepak, badminton, hoki dan olahraga perlu mencapai taraf dunia kerana sukan mampu memupuk semangat patriotisme dan menyatukan rakyat, terutama golongan belia dengan cara yang cukup mudah dan berkesan. Pencapaian tinggi pasukan kebangsaan pada peringkat Asia dan dunia mampu memulihkan kembali imej dan rasa bangga diri rakyat Malaysia terhadap negara. Sebagai sebuah negara yang berbilang bangsa, maka tanggungjawab mempertahankan negara perlu dipikul oleh setiap rakyat yang mengaku dirinya warganegara Malaysia. Semangat patriotisme perlu dihayati dan dijadikan sebagai nilai jati diri kerana konsep itulah yang menjadi teras pertahanan dan kemakmuran negara. ^{es}